

**NO. SOALAN: 41**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KETIGA BELAS,  
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK RAIME BIN UNGGI [ TENOM ]**

**TARIKH : 16 NOVEMBER (RABU)**

**SOALAN :**

**YB Senator Datuk Raime bin Unggi [ Tenom ] minta PERDANA MENTERI menyatakan perkembangan dan manfaat kelima-lima wilayah koridor ekonomi (Johor, Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak) kepada rakyat hari ini terutama di Sabah.**

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah menubuhkan lima Koridor Ekonomi Wilayah iaitu Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER), Wilayah Ekonomi Pembangunan Iskandar (IM), Wilayah Ekonomi Koridor Timur (ECER), Koridor Pembangunan Sabah (SDC) dan Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (SCORE) bagi merencanakan pertumbuhan ekonomi untuk menangani ketidakseimbangan antara dan dalam wilayah serta meningkatkan inklusiviti. Setiap satu wilayah koridor memberi fokus kepada sektor-sektor yang menjadi keutamaan bergantung pada keunikan koridor tersebut. Sejak penubuhan koridor ekonomi wilayah pertama pada tahun 2006, banyak kejayaan telah dihasilkan termasuk mewujudkan banyak peluang ekonomi kepada penduduk setempat.

Inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan di setiap Koridor Ekonomi Wilayah telah berjaya menarik pelaburan dan mewujudkan banyak peluang pekerjaan seperti berikut:

<b>Koridor Ekonomi Wilayah</b>	<b>Jumlah Pelaburan (RM bilion)</b>	<b>Peluang Pekerjaan</b>
<b>IM</b>	207.99	682,169
<b>ECER</b>	94.44	133,595
<b>NCER</b>	76.10	98,698
<b>SCORE</b>	70.00	21,471
<b>SDC</b>	157.30	172,172

Rakyat Sabah juga banyak menerima manfaat daripada penubuhan Koridor Pembangunan Sabah. Sabah adalah sebuah negeri yang berada di kedudukan strategik, kaya dengan sumber dan keindahan alam yang mempesonakan. Koridor Pembangunan Sabah telah memacu Negeri Sabah dan penduduknya ke tahap pembangunan sosial dan ekonomi yang lebih tinggi dengan memanfaatkan khazanah semula jadinya dengan sebaik mungkin. Sektor pertanian, pelancongan, pembuatan dan logistik merupakan pemangkin kepada pertumbuhan ini.

Semenjak ditubuhkan, Kerajaan Persekutuan telah menyalurkan RM2.03 bilion bagi pembangunan di Koridor Pembangunan Sabah dan sehingga kini RM1.86 bilion telah dibelanjakan bagi melaksanakan projek-projek pembangunan di kawasan luar bandar dan pendalaman. Projek-projek ini telah memberikan faedah langsung dan dapat meningkatkan taraf hidup penduduk setempat. Di samping itu, Koridor Pembangunan Sabah telah berjaya menarik pelaburan yang besar iaitu

RM157.30 bilion dan mewujudkan sebanyak 172,172 peluang pekerjaan untuk dimanfaatkan oleh rakyat Sabah. Projek-projek yang menyediakan banyak peluang pekerjaan dan dapat meningkatkan kualiti hidup rakyat Sabah antaranya adalah pembinaan infrastruktur asas untuk program Mini Estet Sejahtera (MESEJ); pembinaan kemudahan dan infrastuktur untuk *Palm Oil Industrial Cluster* (POIC) di Sandakan dan di Lahad Datu dan Hab Pendidikan di Sandakan (Sandakan Education Hub); Pembangunan Kandungan Kreatif; dan pembangunan logistik seperti pembesaran Pelabuhan Sapangar Bay dan Kajian Pelan Induk Hab Penerbangan dan Logistik Fret Udara.

Sekian, terima kasih.

November 2016